

## Ulasan/ *Review*

### MATAHATI – For Your Pleasure: Signifikasi Catan di Malaysia?

*House of Matahati, Galeri Petronas, Galeri Annexe dan 12 Art Space  
Februari–April 2008*

Pameran kumpulan seniman Matahati yang bermula pada bulan Februari sehingga April 2008, adalah pameran terbesar dalam tempoh 15 tahun penubuhan kumpulan tersebut. Selain Galeri Petronas, pameran yang sama juga telah berlangsung serentak di Galeri Annexe, House of Matahati dan 12 Art Space. Dari segi nada dan strategi, pameran ini juga mungkin boleh menggemakan gaya dan budaya pameran *biannual* atau *triannual* yang nampaknya begitu signifikan kini dalam konteks wacana dan praktis seni sezaman global. Apa yang kelihatan dalam pameran tersebut keseluruhannya adalah ciptaan seni sezaman yang meliputi pelbagai aspek persembahan berasaskan objek. Ia meliputi catan, arca dan sejumlah objek seni yang biasa dikaitkan dengan penciptaan seni sezaman seperti seni pemasangan, seni video, cetakan digital dan sejumlah bentuk seni kacukan.

Secara umum, banyak perkara yang boleh disirat mengenai pameran ini. Bermula daripada kecenderungan usaha kolektif iaitu dalam bentuk kumpulan seni dalam mengadakan pameran sehinggalah kepada aspek-aspek keideaan yang dijana daripada karya-karya yang dipamerkan, kesemuanya boleh mengundang usaha kewacanaan yang signifikan dalam

konteks seni moden Malaysia. Namun satu hal yang memberi kesan kepada saya dalam pameran ini secara keseluruhannya adalah paparan catan-catan yang diusahakan oleh Bayu Utomo Radjikin (Bayu), Ahmad Fuad Osman (Fuad), Ahmad Shukri Mohamed (Shukri), Hamir Soib (Hamir) dan Masnoor Ramli Mahmud (Manor). Catan-catan yang dipaparkan melalui pameran ini sebenarnya telah mengundang persoalan yang penting dalam konteks perkembangan catan di Malaysia. Dalam skop tempatan catan-catan ini telah menjelmakan isu-isu yang mendasar seperti kedudukan catan, bahasa catan atau konteks catan.

Apabila meninjau catan-catan tersebut ia memberikan suatu kesedaran bahawa bidang catan telah mengalami suatu tahap perkembangan yang jauh lebih kompleks berbanding sebelumnya. Nyata bahawa kesedaran baru telah dibina dengan aplikasi strategi catan yang lebih beragam. Jelas juga kelihatan bahawa kecenderungan ini adalah alami berdasarkan ruang ideologi yang meliputi kehidupan ahli kumpulan Matahati. Pembaharuan bentuk dan idea catan mungkin boleh dianjurkan di sini secara tempatan, namun dalam konteks global ia mungkin diberi perhatian dalam konteks yang berbeza.

Suatu hal yang nyata berkaitan catan-catan ini adalah meletusnya gaya neo ekspresionisme yang adakalanya kelihatan seperti tidak terbandung lagi. Hal ini majoritinya terjadi kepada catan-catan oleh Hamir dan Fuad. Dalam jumlah yang sebegitu banyak nyata bahawa kecenderungan ini bukanlah sekadar sebuah kecenderungan bahkan ia telah berakar menjadi nadi idea atau ekspresi tegar bagi mereka. Catan mereka dalam jumlah yang banyak, berskala besar dan adakalanya berimej asing dan pelik telah menimbulkan pertanyaan yang begitu signifikan bahawa adakah bidang catan tempatan telah bergerak serta beranjak dalam konteks yang baharu. Baharu di sini bermaksud bahawa catan bukanlah lagi berkaitan hal-hal penekanan kedataran permukaan atau gubahan yang menegaskan kembali sifat catan dan pencatatan, tetapi catan kini telah diasak dan ditekan menuju ke arah pengucapan ekspresi dengan janaan imej-imej yang berkonteks. Konteks itu pula muncul melalui persekitaran yang dicerap oleh seniman tersebut secara kritis.

Hamburan imej telah dilaksanakan dengan kesedaran yang lantang tanpa berselindung melalui strategi janaan imej yang bersifat parodi, ironi, metafora atau pemetikan. Persoalan dan isu yang disinggung meliputi hal-hal sosiopolitik dan sosiobudaya. Sifat yang dinyatakan tersebut khususnya yang wujud pada catan-catan Hamir telah menyedarkan kita kini bahawa status dan peranan catan telah dibawanya ke suatu daerah yang amat kritis dan lantang menelanjangkan isu yang dibangkitkan. Catan-catan beliau telah benar-benar meninggalkan nilai romantik yang selalu didambakan dalam catan-catan tempatan yang dibelenggu dengan nilai-nilai *Victorian* dan ideologi catan global pasca 1945 dalam konteks tempatan.

Namun soalnya, adakah catan-catan tersebut relevan atau signifikan dalam konteks kita?. Jawapan yang pasti mungkin jauh untuk dijangkau namun apa yang jelas adalah catan telah menjadi pelantar kepada tujahan idea atau komentar sezaman yang berdepan dan berkonfrantasi dengan isu-isu yang dibawanya. Catan telah dibebaskan dari belenggu imej dan tradisi yang konvensional. Maka Hamir, dari satu segi, telah membawa catan itu lebih dekat dengan masyarakat melalui singgungan persoalan yang kadangkala telah terlipat menjadi lapisan kemunafikan awam. Catan di tangan Hamir adalah kelantangan yang memancarkan kepura-puraan, sifat pengecut, bacul dan kejahilan yang berlingkar dalam masyarakat. Dunia tersebut adakalanya tohor, kacau dan gelap.

Strategi yang sama juga telah digunakan oleh Fuad namun beliau telah menggunakan dasar sejarah sebagai titik keberangkatannya. Penyzoalan semula sejarah politik tempatan melalui permainan tindanan dan pemetikan telah menyelongkar semula wacana-wacana sosial yang sebelumnya adalah statik (Gambar 1). Dalam konteks ini medan catan telah melampaui tugas konvensional, ia telah terjun ke dalam suatu medan penerokaan baru yang lebih mencabar dari segi ideanya. Kelihatan dalam catan-catan Fuad semenjak 10 tahun lepas bermain dalam gelanggang ini. Namun ketegangan nada ucapannya dalam konteks wacana penyzoalan narasi telah menjadi tujahan terkuatnya dalam regangan masa tersebut. Hal ini juga telah menyedarkan kita bahawa Fuad lebih terkawal dan selalu ingin bertindak bijak dalam menjelmakan idea dan imej lewat catannya.

Tidak seperti Bayu yang walaupun begitu selesa menjelmakan figura manusia sebagai pelantar paling utama yang mewakili idea catannya. Beliau telah memusatkan persoalan tersebut kepada konteks diri atau subjek lain yang melatih diri dalam menghadapi atau bergelut dengan persoalan. Pemusatan diri sebagai ukuran atau bandingan kepada persoalan di persekitaran telah sejak zaman-berzaman menjadi medan bagi ahli falsafah Barat atau Timur untuk mengenal diri dan Penciptanya. Namun bagi Bayu, keserabutan atau kompleksiti sezaman itulah yang menjadi medan pergelutan beliau dalam memahami dan mentafsir diri dan persekitarannya. Namun romantisisme catan nampaknya tidak terbandung dalam catan-catan Bayu, tetapi ia telah digunakan sebagai pelantar kepada pengucapan catan tersebut secara efektif dalam konteksnya. Ia meliputi hal seperti kewujudan, identiti dan diri dalam ruang sezaman yang serba mencabar dan kompleks.

Keadaan yang mencabar dan penuh keserabutan dalam era sezaman kini pula telah dipakejkan dengan bijak oleh Shukri. Dengan menjadi pemerhati yang gigih dan bijak beliau telah menggunakan catan sebagai medan untuk mepakej semula hal tersebut secara lebih kritis dan berstrategi (Gambar 2). Catan di tangan Shukri adalah suatu medan untuk menjinakkan segala budaya sezaman yang berlaku dalam persekitaran. Ia telah memberi dimensi yang sedikit berbeza namun signifikan dalam konteks untuk menyerlahkan ikutan atau kecenderungan budaya sezaman tempatan. Anasir sinis atau komentar halus dan tipis telah memberikan nilai kepada catan-catan Shukri dalam konteks ini. Kejinakan catan tersebut dirasakan akibat dari kecekapan Shukri dalam memperkemas dan melaraskan anasir idea, citra dan imej yang ditonjolkan dalam catan-catan beliau.

Dunia catan Manor pula lebih rencam dan tidak terbelenggu dengan mekanisme khususnya. Namun ia tetap menjurus kepada nada kritis dalam berdepan isu dan persoalan sezaman tempatan. Citra-citra tradisi telah diangkat dan disandingkan dengan citra semasa dalam rimba kewacanaan sezaman. Adakalanya catan beliau lantang berkias dan adakalanya ia lembut menusuk. Namun dari segi strateginya ia selari dengan nada-nada radikal yang meruap bertanya tentang situasi sezaman yang serba keliru.

Secara keseluruhan, catan-catan yang diketengahkan oleh kumpulan Matahati telah menerjah keluar dari kebiasaan yang dikaitkan dengan bidang catan tempatan. Catan telah membina reputasi dan tapak-tapak baru yang sebelum ini kurang diterokai. Penilaian bahawa catan-catan ini adalah yang terbaik mungkin bersifat pramatang, namun tidak dapat dinafikan pula bahawa ada diantara catan-catan yang dipamerkan ini mewakili contoh kepada semangat 'kebaharuan' yang diperlukan. Ia telah melebar dan membuka catan ke arah yang lebih rencam dan kompleks. Kepentingan catan telah ditekankan oleh mereka dalam ruang dan konteks yang baru. Kesimpulannya catan masih bernyawa dan mula nyaring bersuara dengan mencari konteks dan alamat baru. Buktinya catan-catan oleh kumpulan Matahati boleh membuatkan kita bertanya kembali tentang peranan sebenar catan dalam konteks seni sezaman.

**Safrizal Shahir**

*Universiti Sains Malaysia*



**Gambar 1** Ahmad Fuad Osman,  
*Recollections of Long Lost Memories #3*,  
cat minyak atas kanvas,  
133 × 183 cm,  
Koleksi Seksan.



**Gambar 2** Ahmad Shukri Mohamed,  
*Fitting Room VIII (perincian)*,  
bahan campuran atas kanvas,  
180 × 200 cm (2 panel),  
Koleksi artis.